

## BAB 3

### **AKHBAR DAN POLITIK DI MALAYSIA**

#### **3.1- Pengenalan**

Malaysia meliputi kawasan seluas kira-kira 329,758 kilometer persegi terdiri daripada Semenanjung Malaysia dan Borneo (Sabah dan Sarawak).<sup>1</sup> Kedua-dua wilayah ini dipisahkan oleh Laut China Selatan seluas 531.1 kilometer persegi. Semenanjung Malaysia yang meliputi seluas 131.598 batu kilometer persegi bersempadan dengan Thailand di utara dan Singapura di selatan yang boleh dihubung dengan tambak yang sempit dan pendek.

Malaysia ditubuhkan pada 1963 terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Borneo Utara (Sabah) dan Singapura. Tanah Melayu adalah komponen utama daripada segi jumlah penduduk. Bagaimanapun, Singapura menarik diri daripada Persekutuan itu pada Mei 1965 dengan menandatangani perjanjian perpisahan dengan Tanah

---

<sup>1</sup> R S Milne & K Mauzy, Politik dan Kerajaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm 87.

Melayu. Tanah Melayu kemudian menukar nama menjadi Malaysia. Negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum ini mempunyai perbezaan dengan negara jiran seperti Thailand dan Singapura. Antara perbezaan itu ialah dari segi komposisi bangsa, ekonomi, perlombagaan dan kerajaannya mengamalkan demokrasi dan sistem berparti.<sup>2</sup> Sekiranya komposisi bangsa dapat diatasi dan ditangani ia akan memberi gambaran sepenuhnya tentang negara Malaysia itu sendiri. Hal ini kerana komposisi bangsa menetapkan pola ekonomi, membantu membentuk perlombagaan dan mempengaruhi proses serta sistem parti.

Penduduk Malaysia terdiri pelbagai kaum. Golongan terbesar ialah Melayu, diikuti oleh Cina dan India. Kaum minoriti ialah kaum Bumiputera di Sarawak dan Sabah terdiri daripada Dayak, Kadazan (Dusun), Bajau, Melanau dan Murut di samping kaum orang Asli di Semenanjung Malaysia; Eropah dan Serani. Jumlah penduduk mengikut anggaran 1997 ialah 21,665,400 orang. Orang Melayu berjumlah 9,802,400 orang; Bumiputera (4,631,900) orang; Cina (1,524,100) orang; India (452,800) orang dan lain-lain 636,100 orang. Sabah mempunyai 2,663,800 orang dan Sarawak pula mempunyai 1,954,300 orang.<sup>3</sup> Bagaimanapun, Malaysia digemparkan dengan kejadian rusuhan 13 Mei 1969 yang dilaporkan terjadi kerana

---

<sup>2</sup> Ibid., hlm 3.

<sup>3</sup> Ibid., *Politik dan Kerajaan Malaysia*, hlm 12.

ketidakseimbangan ekonomi sehingga menimbulkan ketegangan perkauman dan rusuhan.

Berikutnya rusuhan kaum itu menyebabkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan di negara ini bagi menyamakan sektor ekonomi di antara kaum. Edmund Terence Gomez dalam bukunya yang mengatakan;

The New Economic Policy (NEP), promulgated in 1970, was the state's proffered remedy. The NEP's ultimate aim was to achieve national unity through poverty eradication irrespective of race and inter-ethnic economic parity through a "restructuring" exercise. Wealth restructuring through social engineering was unquestionably the main emphasis of the NEP; the government hoped to create a "viable" Malay business community and a 30 per cent Bumiputera ownership of the corporate sector of the economy by 1990<sup>4</sup>

DEB berjaya mengimbangi kaum apabila orang Melayu mula mencebur入 bidang perniagaan setelah kerajaan menyedari bahawa orang Melayu tidak boleh ketinggalan dari segi ekonomi di tanah airnya sendiri. Kerajaan menubuhkan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) dan Pemodal Nasional Berhad (PNB) untuk menjaga kepentingan ekonomi Melayu. Dua perbadanan itu hanya satu permulaan dan disusuli dengan pelbagai agensi membantu ekonomi

---

<sup>4</sup> Edmund Terence Gomez, *Political Business, Corporate Involvement of Malaysian Political Parties*, Sydney, Australia, 1994, hlm 3.

orang Melayu sebelum kerajaan memperkenalkan dasar penswastaan yang mengutamakan pembabitan orang Melayu dalam projek nasional.

Bermula daripada dasar itu, telah lahirlah peniaga di kalangan orang Melayu seperti Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad terbabit dalam industri automatif iaitu kereta nasional Malaysia, Proton Saga melalui pegangan saham Hicom, Tan Sri Tajuddin Ramli yang mengambil alih Penerbangan Malaysia (MAS) sebelum melepaskannya kepada pengurusan baru dan syarikat telekomunikasi sebelum diambil alih oleh kerajaan menerusi Khazanah Nasional Berhad. Tan Sri Halim Saad pula menguasai Kumpulan Renong sebelum meletak jawatan sebagai Pengurus Eksekutif Renong Berhad pada 3 Oktober 2001 bersama lapan Pengarah Syarikat berikut pengambilalihan United Engineers (M) Berhad (UEM) oleh syarikat Dana Saham Sdn Bhd, sebuah firma milik penuh Khazanah Nasional Berhad. Syarikat pelaburan kerajaan itu mengambil alih pengurusan Kumpulan Renong kerana mengalami kerugian besar.<sup>5</sup> Ini disusuli dengan kehadiran Tan Sri Wan Azmi yang menguasai kumpulan perniagaan terbesar Land and General Berhad (L&G).

---

<sup>5</sup> *Berita Harian*, 4 Oktober 2001, hlm 1.

Pembetulan dari segi ekonomi orang Melayu terpaksa dilakukan kerana kerajaan tidak mahu kejadian seperti 13 Mei akan berulang. Peristiwa 13 Mei 1969 telah menunjukkan bahawa kenyataan, walaupun ia tidak menyenangkan sekalipun mesti dihadapi. Cetusan mendadak itu telah menghapuskan hampir kesemua yang dicapai hampir 12 tahun. Menurut Dr Mahathir, jika kita tidak mahu peristiwa malang itu berulang kembali, maka eloklah kita teliti beberapa sebab musabab yang telah membangkitkan huru hara itu dan memikirkan bersungguh-sungguh cara memulihkan orang Melayu.<sup>6</sup> Dengan itu, pemimpin negara menjalankan pelbagai program untuk memajukan negara melalui rancangan peningkatan daripada Rancangan Malaysia Pertama (RM-1) sehingga Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) yang dilaksanakan sekarang. Ini disusuli dengan dasar penswastaan dilaksanakan bagi membantu kaum bumiputera sekali gus membangunkan negara.

### **3.2 - Pilihan Raya Umum di Malaysia**

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dengan mengekalkan raja berperlembagaan. Ketua Negara Persekutuan ialah Yang di-Pertuan Agong yang dipilih dalam tempoh lima tahun daripada kalangan raja Melayu. Dari segi undang-undang, baginda adalah punca

---

<sup>6</sup> Mahathir Mohamad, *Delima Melayu*, Times Book International, Kuala Lumpur, 1997, hlm 34.

segala kuasa sama ada perundangan, eksekutif atau kehakiman. Rang undang-undang diluluskan oleh Parlimen hanya menjadi sah jika dipersetujui oleh baginda. Kedudukan baginda adalah tertinggi, mengatasi semua orang dalam Persekutuan. Ini kerana baginda melantik hakim dan mahkamah undang-undang. Bagaimanapun, dari segi amalan Yang di-Pertuan Agong tidak menggunakan kuasa sesuka hati, sebaliknya bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri yang membentuk Jemaah Menteri. Jemaah Menteri pula mesti mendapat sokongan Dewan Rakyat yang dipilih oleh rakyat.

Mengikut R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, mesti bertanggungjawab memilih seorang Perdana Menteri yang pada pendapatnya akan mendapat kepercayaan kebanyakan ahli Dewan Rakyat. Oleh itu, sekiranya hanya sebuah parti politik memenangi lebih daripada setengah jumlah kerusi dalam Dewan Rakyat pada pilihan raya umum, mudahlah baginda melantik Perdana Menteri dan mengarahkannya untuk membentuk kerajaan.<sup>7</sup>

Selain itu, Yang di-Pertuan Agong juga mempunyai kuasa untuk menggunakan budi bicara membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan. Perkara ini tertera dalam Perlembagaan (Perkara 33(3)) yang menetapkan tempoh maksimum lima tahun untuk

---

<sup>7</sup> R. S. Milne dan Diane K Mauzy, *Politik dan Kerajaan Malaysia*, hlm 281

baginda membubar Parlimen dan mengadakan pilihan raya. Bagaimanapun, tempoh itu boleh dipendekkan.

Pilihan raya dari segi takrifnya boleh dikaitkan dengan perbuatan memilih dan ia adalah berbeza pula dengan perbuatan melantik. Dalam konteks yang luas, pilihan raya boleh ditakrifkan sebagai pemilihan yang dibuat menerusi undi sesebuah perkumpulan atau *constituent body*.<sup>8</sup> Sejarah membuktikan bahawa, sejak 1957, Malaysia sudah mengekalkan sistem pilihan raya pelbagai parti apabila parti politik yang berdaftar boleh bertanding dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil di negara ini. Parti berkenaan diberi peluang untuk menubuhkan kerajaan jika memenangi pilihan raya dengan majoriti yang besar di Parlimen dan DUN.

Malaysia mengamalkan sistem pilihan raya mudah (*simple first-past-the post*) atau *single member territorial representation*. Menerusi sistem itu, calon yang menang ialah mereka yang mendapat undi terbanyak walaupun dengan kelebihan satu undi sahaja. Sistem ini mula dipraktikkan apabila negara mengadakan pilihan raya pada 1959. Sistem ini nyata sesuai digunakan, terutama dalam keadaan negara baru mencapai kemerdekaan. Ia juga dianggap sesuai kerana Tanah Melayu ketika itu mempunyai 65 peratus penduduk yang buta huruf.

---

<sup>8</sup> Abdul Rashid Rahman, *Perjalanan Pilihan Raya Malaysia*, Berita Book Publishing Sdn Bhd., Kuala Lumpur, 1994, him 1.

### **3.2b - Pilihan raya Umum di Malaysia 1955-1999**

Pilihan raya pertama di negara ini bermula pada 1 Disember 1951 untuk Majlis Perbandaran Georgetown, Pulau Pinang dan diikuti Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952. Dalam pilihan raya itu, pakatan dan kerjasama erat di antara Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) mewakili berbangsa Melayu dan Malaysian Chinese Association (MCA) dipimpin oleh bangsa Cina mula muncul. Bagaimanapun, perlembagaan baru diperkenalkan bagi memberi peluang kepada rakyat untuk mengundi demi memilih Ahli Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu pada 27 Julai 1955. Ketika itu, wujud pakatan lebih besar antara UMNO, MCA dan diperkuatkan dengan Malaysian Indian Association (MIC) atau Kongres India Se Malaysia.

Parti Perikatan sudah kuat kedudukannya apabila menyertai pilihan raya Majlis Perundangan pada bulan Julai 1955. Ketika itu, organisasi parti baru sahaja diperbesarkan dengan penyertaan MIC menjadi lebih teguh serta terkenal dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan. Hasilnya, Perikatan telah berturut-turut memenangi pilihan raya perbandaran dan negeri. Manifesto Perikatan adalah "Menuju ke Arah

"Kemerdekaan" dan antara lain mendesak supaya Tanah Melayu diberi taraf merdeka dalam masa empat tahun.<sup>9</sup>

Kerajaan Inggeris nampaknya berpihak kepada desakan daripada Parti Perikatan memandangkan parti berkenaan mendapat sokongan rakyat. Akhirnya kerajaan Inggeris terpaksa tunduk kepada tuntutan Parti Perikatan dan pilihan raya umum pertama dirancangkan akan diadakan pada tahun 1955.<sup>10</sup>

Masalah paling besar dihadapi ialah peruntukan kerusi untuk parti komponen. Calon pilihan raya berdaftar terdiri daripada 84 peratus Melayu, 11 peratus Cina dan kurang lima peratus India. Detik persefakatan itu membolehkan kerjasama itu erat sehingga pilihan raya umum pertama di Tanah Melayu pada 19 Ogos 1959 bagi Parlimen dan DUN selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Pilihan raya dapat membentuk Perundangan Persekutuan dan Negeri dikendalikan oleh SPR yang dibentuk pada 1958. Kerjasama dan pakatan UMNO, MCA dan MIC dalam Perikatan berhasil meraih kejayaan besar apabila memenangi 51 daripada 52 kerusi Majlis Perwakilan

---

<sup>9</sup> Politik dan Kerajaan Malaysia, *Op.cit.* him 178.

<sup>10</sup> Ma'rof Redzuan, *Kenegaraan Malaysia: Perjuangan Mencapai Kemerdekaan*, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 1997, him 57.

Persekutuan berkenaan. Keputusan pilihan raya itu mematikan langkah British untuk menidakkannya permintaan pelbagai kaum di Tanah Melayu untuk mencapai kemerdekaan. Perpaduan yang telah ditunjukkan oleh beberapa kaum utama di Tanah Melayu meyakinkan penjajah untuk memberi kemerdekaan. Perpaduan itu wujud akibat adanya tolak ansur ataupun toleransi antara kaum seperti yang digambarkan dalam kontrak sosial atau perjanjian murni antara mereka.<sup>11</sup>

Sesetengah golongan cendekiawan pada masa itu berpendapat dakwaan penjajah British yang rakyat ketika itu tidak mampu memerintah sendiri sudah tidak bertepatan lagi kerana pilihan raya pertama membuktikan pelbagai kaum di Tanah Melayu boleh bersatu. Kemenangan Perikatan membuka lembaran baru kerana rakyat di Tanah Melayu hanya ingin mengecapi kemerdekaan pada 1953 tetapi British pada awalnya tidak mahu memberi kemerdekaan sebaliknya beranggapan bahawa Tanah Melayu belum aman dan ikatan perpaduan masih rapuh. Bagaimanapun, kemenangan Perikatan menyebabkan British terpaksa mengalah dan akur dengan permintaan pelbagai kaum. Ini kerana Perikatan bukan satu parti termasuk UMNO, MCA dan MIC.

Keamanan, kestabilan politik dan pembangunan rohani serta jasmani disebabkan kekuatan dalaman pelbagai kaum di Malaysia. Ini

---

<sup>11</sup> R.S.Milne dan Diane K Mauzy , *Op cit.*, hlm 583

kerana bukan sahaja bangsa Melayu, Cina dan India tetapi membabitkan pelbagai kaum lain seperti Iban, Murut, Kadazan, Melanau, Orang Asli, Penan dan lain-lain kaum yang sedia ada di Sabah dan Sarawak.

Tradisi kekuatan perpaduan ummah dalam Perikatan disambung dengan penubuhan BN pada 1974 yang menggabungkan 14 parti sekali gus. Parti itu ialah UMNO, MCA, MIC, Gerakan, Parti Pesaka Bumiputra (PPB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Progresif Rakyat (PPP), Parti Kebangsaan Sarawak (PBDS), AKAR BERSATU, Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS) dan Parti Demokratik Sabah (PDS). Bagaimanapun, sebab terbesar BN ditubuhkan ketika itu kerana ingin mewujudkan dan mengeratkan semula perpaduan antara kaum apabila tercetusnya 13 Mei 1969.

Kejayaan BN menyatukan semula rakyat dianggap sebagai jalan terbaik bagi mengelakkan berlakunya rusuhan antara kaum. BN dianggap sebagai simbol semangat dan kematangan rakyat. Apa sekalipun, BN memang mempunyai kaedah tersendiri untuk menawan hati rakyat walaupun atas nama Perikatan sebelum ini, gabungan pelbagai parti ini mampu memenangi pilihan raya pertama, 1955 sehingga 1995. Kejayaaan itu ditempuh dengan pelbagai dugaan terutama UMNO sebagai parti teras dalam BN mulai goyang seketika apabila UMNO lama diharamkan

pendaftarannya pada 1988 sebelum didaftarkan dengan nama parti baru, UMNO Baru. Ini diikuti dengan penubuhan Parti Melayu Semangat 46 (S46) pada 5 Mei 1989<sup>12</sup> apabila pimpinan terkenal UMNO, orang lama UMNO dan bekas Menteri Kewangan serta pakar ekonomi, Tengku Razaleigh Hamzah yang kecewa setelah gagal memegang jawatan Presiden UMNO dalam pemilihan agung UMNO. Tengku Razaleigh gagal menewaskan Perdana Menteri Dr Mahathir dalam pemilihan April 1987 itu.

Kekecewaan itu merugikan semua pihak baik kepada UMNO mahupun S46 kerana orang Melayu berpecah pada tiga parti termasuk PAS. Kekecohan itu berterusan sehingga pilihan raya 1990 apabila PAS bergabung dengan S46 dan parti lain seperti Berjasa dalam APU bagi menentang calon BN. Ternyata gabungan itu berjaya apabila APU menyapu bersih kerusi di Kelantan. Kekalah BN di Kelantan terubat apabila tujuh kerusi DUN dimenangi calon BN dalam pilihan raya 1995. Kejayaan itu diraikan semula apabila S46 dibubarkan dan ADUN S46 menyertai UMNO semula sehingga UMNO mempunyai 17 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan apabila 10 ADUN S46 menyertai UMNO.

Bagaimanapun dalam pilihan raya umum 1999, krisis dalaman begitu teruk berlaku dalam UMNO sehingga tertubuhnya Parti Keadilan

---

<sup>12</sup> <http://www.partimelayu.malaysia.net/parti.htm>

Nasional (KEADILAN) apabila Dr. Mahathir memecat Timbalan Perdana Menterinya, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pemecatan itu membawa kekalahan teruk UMNO dalam pilihan raya umum 1999 walaupun UMNO melalui BN masih menguasai dua pertiga kerusi di Parlimen. Bagaimanapun, BN menghadapi pembangkang yang kuat di Parlimen apabila semua parti pembangkang daripada KEADILAN, PAS, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) bersatu di bawah Barisan Alternatif (BA)

### **3.3 - Sejarah Politik Kelantan**

Kelantan adalah salah sebuah negeri daripada 13 di Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan kira-kira 15,000 kilometer persegi. Negeri ini terletak di timur laut Semenanjung Malaysia yang berhadapan dengan Laut China Selatan. Kota Bharu adalah sebuah bandar dan sibuk sebagai pusat tumpuan pentadbiran dan aktiviti perniagaan. Ia juga adalah bandar yang unik di Malaysia kerana mempertahankan cara hidup penduduknya dengan budaya asli sehingga dimasyhurkan sebagai 'Kota Bharu Kota Budaya' <sup>13</sup>.

---

<sup>13</sup> Lihat *Panduan Untuk Pelabur-pelabur di Kelantan*, Pusat Pelaburan Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, 1997, him 4.

Menurut laporan terbaru pelaburan di Kelantan, negeri yang juga terkenal dengan nama jolokan 'Negeri Serambi Mekah' itu mempunyai penduduk kira-kira 1.2 juta orang, sebahagian besarnya terdiri daripada penduduk Melayu dan beragama Islam.

Pecahan penduduk mengikut kaum adalah seperti berikut; Melayu seramai 1,108,416 orang atau 93.8 peratus; Cina 54,357 atau 4.6 peratus; India mencataatkan 8,277 atau 0.7 peratus dan lain-lain mewakili 0.9 peratus membabitkan seramai 10,635 orang. Kelantan mempunyai 10 jajahan, iaitu jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Gua Musang, Jeli, Tumpat, Tanah Merah, Bachok dan Pasir Puteh.

Kebanyakan rakyat Kelantan terkenal dengan sikap lemah lembut, ramah mesra, suka menolong, kuat bekerja, tegas, tahan lasak tetapi boleh menyesuaikan diri dengan keperluan proses pembangunan sosial dan ekonomi.<sup>14</sup> Oleh sebab itu, rakyat Kelantan sejak turun-temurun lagi terkenal sebagai rakyat yang rajin dan berjiwa usahawan, sehingga orang di luar Kelantan menggelarkan rakyat Kelantan sebagai 'orang Melayu yang berjiwa Cina'. Gelaran itu diberikan kepada mereka apabila mereka rakyat Kelantan kebanyakannya suka dan mempunyai kebolehan dalam berniaga.

---

<sup>14</sup> Ibid., *Panduan Untuk Pelabur-pelabur di Kelantan*, hlm 5.

Budaya berniaga itu bukan sahaja di kalangan lelaki tetapi kaum wanita.<sup>15</sup> Bagaimanapun, apa yang tidak dapat dinafikan, rakyat Kelantan terkenal dengan sikap keras kepala serta sukar menerima perubahan dengan cepat, terutama dalam bidang politik kerana mereka masih berpegang teguh kepada pendirian lama dan beranggapan bahawa mereka adalah yang terbaik sehingga pandangan orang lain sukar diterima.

Kelantan sentiasa menjadi tumpuan pemerhati politik dari dalam dan luar negeri kerana apa sahaja yang berlaku mendapat perhatian umum. Keadaan itu menyebabkan isu-isu di peringkat tempatan juga dijadikan isu nasional jika ia bermula di Kelantan. Tidak hairanlah, isu seperti pelaksanaan hukum hudud diputarbelitkan sehingga ia gagal dilaksanakan kerana Kerajaan Pusat beranggapan hukum itu adalah hudud tajaan PAS, bukan berdasarkan dari al-Quran dan Hadis. Dengan itu pelaksanaan tidak diterima. Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam majlis perlancaran Hari Hudud peringkat Kelantan pada 5 Februari 1997 pernah menegaskan bahawa hukum hudud di Kelantan sudah pun diluluskan dalam sidang DUN pada 23 November 1993 lagi. Tetapi disebabkan ada halangan undang-undang dan

---

<sup>15</sup> Wan Ismail Wan Jusoh, *Koleksi Ucapan Rasmi, Yang Amat Berhormat (YAB) Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, Dian Darulhaim Sdn Bhd, Kota Bharu, 1999*, hlm 235.

perlembagaan maka ia masih belum dapat dilaksanakan sehingga sekarang.

Dalam perkembangan lain, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapannya di majlis perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Felda Chini 3, Pahang pernah mengatakan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat lebih layak digelar "Menteri Besar melalut" kerana tindakannya yang semakin gemar merendah dan mengaibkan orang lain sesama Islam. Antara kandungan ucapannya:

Nik Abdul Aziz sudah banyak berubah, banyak melalut, mengarut, memaki hamun orang Islam lain dan mengeluarkan fatwa kurafat serta kenyataan yang terpesong daripada lunas-lunas dan kesucian Islam. PAS sekarang tidak lebih daripada sebuah parti pemecah belah umat Islam. Dia (PAS) mulakan sembahyang dua imam, kubur berasingan kubur orang UMNO, haramkan daging yang disembelih oleh orang UMNO dan pecat imam yang bukan dari PAS.<sup>16</sup>

Tidak cukup dengan itu, UMNO Kelantan menuduh kerajaan PAS Kelantan pimpinan Nik Abdul Aziz tidak mampu memerintah dan membawa pembangunan terhadap rakyat Kelantan. Sehubungan itu, mereka menggesa Nik Abdul Aziz supaya meletakkan jawatan. Bagaimanapun, Menteri Besar Kelantan itu menyatakan bahawa beliau

---

<sup>16</sup> *Utusan Malaysia*, 21 April 1995, him 5.

tidak akan meletak jawatan selagi UMNO Kelantan tidak koyak rabak dan hilang begitu sahaja.<sup>17</sup>

Berdasarkan kenyataan itu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed membuat kenyataan balas dengan menyatakan bahawa UMNO akan terus bertapak di Kelantan berikutan ahlinya yang kian bertambah walaupun musuh politiknya, PAS mengharapkan parti itu koyak rabak. Antara lain kenyataannya: "Kita (UMNO) tahu kekuatan kita semakin bertambah di Kelantan dan yakin ia tidak mungkin koyak-rabak seperti yang dijangka oleh PAS. Kenyataan Nik Abdul Aziz berharap UMNO Kelantan koyak rabak agak kasar bunyinya dan kurang manis didengar."<sup>18</sup>

Rakyat Kelantan terlalu suka berpolitik sehingga ada pihak mengatakan bahawa orang Kelantan berpolitik daripada kedai kopitiam sehingga madrasah apabila wujud program tazkirah dan ceramah agama berunsurkan politik sumber. Hakikat itu mesti diterima kerana ini boleh dibuktikan berikutan kesedaran rakyat Kelantan dalam bidang politik memang tinggi dan sukar dijangkakan berbanding rakyat negeri lain. Semua ini bukan percakapan kosong, sebaliknya dapat dinilai dan dibuktikan dengan jumlah peratusan rakyat Kelantan yang keluar mengundi dalam pilihan raya umum 1990 semakin bertambah. Kelantan

---

<sup>17</sup> *Utusan Malaysia*, 23 Jun 1998, hlm 3..

mencatatkan 78.1 peratus pengundi berbanding Pulau Pinang 76.5 peratus, Kedah (75.9 peratus) dan Johor mencatatkan 74.3 peratus. Dalam pilihan raya 1990, penduduk Kelantan yang berhijrah ke bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Singapura dan Pulau Pinang menyatakan kesanggupan mereka untuk pulang ke Kelantan semata-mata untuk membuang undi.

Selain itu, kepekaan mereka terhadap politik juga mengakibatkan undi rosak paling rendah dicatatkan di Kelantan. Negeri yang bergelar serambi Makkah ini juga mempunyai 94 peratus penduduk berbangsa Melayu dan beragama Islam. Masing-masing mempunyai pandangan berbeza terhadap UMNO dan PAS. Pandangan berbeza itu menyebabkan negeri ini menjadi medan perebutan oleh kedua-dua parti Melayu, sejak 40 tahun lalu.

Dalam pilihan raya umum 1990, kerajaan BN tewas apabila tidak memenangi satu kerusi di DUN. Bagaimanapun, UMNO menebus kegagalan itu apabila memenangi tujuh DUN dalam pilihan raya umum 1995. Semasa kempen pilihan raya 1995, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datuk Seri Rafidah Aziz pernah menyatakan bahawa negeri Kelantan dianggap umpama "wanita comeil" yang tidak dijaga lebih empat tahun (1990-1995) oleh kerajaan APU yang memerintah negeri ini.

---

<sup>18</sup> *Berita Harian*, 26 Jun 1998, hlm 3.

Kelantan adalah wanita yang tidak mendapat sebarang jagaan yang baik sehingga hodoh. Oleh itu, BN mesti diberi mandat dalam pilihan umum 1995 untuk memastikan wanita comel ini kembali berseri.<sup>19</sup> Ternyata seloroh itu menjadi kenyataan apabila rakyat Kelantan terus memberi sokongan kepada calon UMNO dan MCA yang bertanding dalam pilihan raya 1995.

Bagaimanapun, rakyat Kelantan mempunyai pandangan yang berbeza terhadap UMNO. PAS lebih sering mendapat perhatian mereka ketika mengundi. Pandangan itu menyebabkan negeri ini sering menjadi medan perebutan oleh kedua-dua parti Melayu itu. Sesetengah pandangan mengatakan sepakutnya PAS dan UMNO berpaktat bagi melahirkan Kelantan sebagai *Islamic Territory*. Tetapi sehingga hari ini, tiada pakatan dilakukan untuk membolehkan kehidupan bangsa Melayu hidup aman di Kelantan. Pelbagai isu dikeluarkan oleh kedua-dua pihak untuk menyatakan kelemahan masing-masing bagi meraih undi ketika pilihan raya. Ini disebabkan, kedua-dua parti menganggap Kelantan adalah simbol kekuatan parti masing-masing jika Kelantan masih tidak dikuasai sepenuhnya. PAS beranggapan bahawa Kelantan adalah pangkalannya untuk meluaskan pengaruh PAS di Terengganu, Kedah dan negeri lain.

---

<sup>19</sup> *Utusan Malaysia*, 21 April 1995, hlm 10.

Pemimpin PAS mahukan Kelantan menjadi model negara Islam yang akan diwujudkan di Malaysia sekiranya rakyat memberi mandat kepada PAS dalam pilihan raya umum 1999. UMNO turut tidak mengalah apabila menganggap gerakan PAS yang berlandaskan perjuangan Islam mesti disekat di Kelantan sebelum merebak ke negeri lain kerana perjuangan PAS dikatakan menggunakan Islam sebagai mengabui mata rakyat untuk memberi sokongan undi kepada mereka. Pemimpin UMNO mengatakan pemimpin PAS gagal menyempurnakan tugas mereka dalam membangunkan negara jika diberi mandat pada pilihan raya.

Oleh itu, UMNO mempertahankan bahawa partinya juga memperjuangkan Islam. Bekas Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir pernah membuat kenyataan bahawa UMNO sudah lama memperjuangkan Islam yang menjadi teras pentadbiran negara sejak mencapai kemerdekaan. Baginya PAS hanya melaksananya sejak memegang teraju pemerintahan Kelantan pada 1990. Persoalan sekarang, apakah PAS benar-benar melaksanakan dasar-dasar Islam seperti yang dituntut oleh agama. Hal ini kerana dalam soal parti, ia adalah satu bentuk urusan dunia dan apa yang diurus oleh manusia tidak boleh lari daripada melakukan kesilapan.<sup>20</sup>

---

<sup>20</sup> Berita Harian, 13 November 1997, hlm 15.

Dalam pada itu, UMNO juga dianggap sebagai harakah politik Islam yang besar. Pencapaiannya telah menjadi bukti apabila pendekatan UMNO terhadap Islam dihormati oleh semua masyarakat termasuk masyarakat antarabangsa. UMNO telah berjaya melaksanakan Islam secara bijaksana dan membuktikan Islam adalah agama perpaduan, agama kesederhanaan. Ini membuktikan kepimpinan Islam mampu membawa ke arah kemajuan dan perubahan.<sup>21</sup>

Oleh itu, UMNO dan PAS terus berbalah pendapat dan sering berselisih faham dalam memberi pentafsiran mengenai perjuangan Islam sehingga wujud pihak mengatakan bahawa PAS lebih mementingkan slogan semata-mata.<sup>22</sup> Pemimpin PAS lebih banyak bercakap, tetapi tidak mempunyai perancangan yang bijak.

Isu perjuangan UMNO berteraskan Islam turut mendapat perhatian Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika merasmikan perwakilan UMNO Bahagian Bachok pada 26 Jun 1997. Dalam ucapannya, beliau menyentuh tentang dasar perjuangan Islam menerusi UMNO adalah untuk menonjolkan imej progresif dan dinamik bagi memastikan umat Islam terus maju dan tidak dipandang lemah.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Annuar Musa, *Semerakkan Iltizam Ke Arah Perubahan*, Konvensyen UMNO/BN '97, Kota Bharu, Kelantan, pada 28 Ogos 1997, hlm 14.

<sup>22</sup> Berita Harian., 24 Mei 1997, hlm 7.

<sup>23</sup> Berita Harian., 27 Jun 1997, hlm 4.

Serentak dengan itu, UMNO Kelantan, mesti bekerja keras untuk merampas kembali Kelantan daripada tangan PAS yang sebelum ini bergabung dengan S46, Berjasa dan Hamim dalam APU. Kermelut politik Kelantan semakin bertambah rancak apabila gabungan APU itu membolehkan PAS memerintah di Kelantan. Pada ketika itu, wujud tiga parti majoritinya Melayu berentap di Kelantan bagi menawan hati rakyat. Kebanyakan mereka berpandangan bahawa UMNO adalah ejen pembangunan, PAS adalah simbol Islam dan S46 mendapat restu apabila menilai keramahan pemimpin tertingginya, Tengku Razaleigh Hamzah, seorang anak raja yang berpengaruh.

Keadaan itu menyebabkan ada pihak yang mengatakan bahawa kepada parti PAS, rakyat Kelantan cinta; kepada UMNO, mereka sayang; dan S46 diwujudkan sebagai pengimbang kepada pengaruh UMNO dan PAS pada masa itu. Bagaimanapun, UMNO dan PAS adalah dua parti yang bergilir-gilir memerintah Kelantan sehingga sekarang. UMNO dengan nama gabungan Perikatan yang mengandungi MCA dan MIC mula berkuasa di Kelantan pada pilihan raya 1955 apabila UMNO memenangi semua 16 kerusi DUN dan lima Parlimen yang dipertandingkan. PAS tidak memperolehi satu kerusipun dalam pilihan raya itu. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, pilihan raya umum diadakan kali kedua pada 1959. PAS berjaya merampas daripada UMNO apabila memenangi 28 kerusi daripada 30 kerusi DUN yang

dipertandingkan. UMNO hanya memiliki dua kerusi dan kejayaan itu membolehkan PAS memerintah Kelantan selama 18 tahun sebelum tumbang pada 1978.

PAS kembali bertenaga apabila merampas kembali Kelantan daripada UMNO dalam pilihan raya umum 1990 apabila parti itu yang bergabung dengan parti pembangkang lain di bawah APU menyapu bersih semua kerusi DUN dan Parlimen di Kelantan. Gabungan mantap itu antara S46, Berjasa dan Hamim disusuli dengan motto di bawah kepimpinan ulamak membolehkan PAS memerintah Kelantan sehingga hari ini.

Bagaimanapun, gagasan APU mula merosot apabila UMNO melalui BN memenangi tujuh kerusi DUN dan dua Parlimen dalam pilihan raya umum 1995. Dua kawasan Parlimen berkenaan ialah Peringat dimenangi oleh Datuk Annuar Musa yang juga dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Parlimen Jeli yang dimenangi oleh Datuk Mustapa Mohamad yang kemudiannya dilantik menjadi menteri di kementerian baru, iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan. Selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada Menteri Kewangan, beliau dilantik menjadi Menteri Kewangan Kedua. Tujuh DUN yang dimenangi ialah Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir (Melor), Leong Sue Siang (Kota Lama), YB Ariffin Mahmood (Ketereh), YB Mohd Adhan Kechik

(Kemahang), Aziz Derasid (Pergau), Mohd Nawawi Mat Jusoh (Pengkalan Kubor) dan Guchil dimenangi oleh Md Razali Che Mat.

Jumlah kerusi BN dalam DUN mula bertambah apabila berlaku perpecahan dalam APU sehingga menyebabkan ADUN S46 melompat masuk ke UMNO selepas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah membubarkan partinya, pada 6 Oktober 1996. Pembubaran S46 membolehkan ADUN S46 memasuki UMNO. Mereka ialah Datuk Ahmad Rusli Iberahim (Salor), Datuk Daud Jaafar (Jelawat), Nik Mustapa Nik Loding (Gual Periuk), Omar Mohamad (Galas), Norzula Mohd Diah (Paloh), Kelthum Ahmad (Mengkebang) dan Datuk Mohd Rozali Isohak (Dabong) yang juga pernah memegang jawatan Timbalan Menteri Besar semasa bergabung dengan PAS dalam APU.

Situasi itu menyebabkan PAS mengalami sedikit kesukaran kerana sokongan di dalam DUN semakin berkurangan. Masalah itu berlarutan sehingga pilihan kecil Semerak diadakan apabila ADUN PAS kawasan berkenaan, Allahyarham Sulaiman Ahmad meninggal dunia. Pilihan raya itu menyaksikan pertandingan tiga penjuru membabitkan Ketua UMNO Bahagian Pasir Puteh, Kamaruddin Mohd Noor sebagai calon BN dengan PAS adalah seorang ahli perniagaan, Wan Mohd Fauzi Wan Hussein dan calon AKIM, Nizam Din.<sup>24</sup> Pilihan raya kecil itu memihak

---

<sup>24</sup> Berita Harian, 10 Ogos 1998, him 17.

kepada BN apabila calonnya memenangi kerusi DUN daripada PAS. Ini bererti BN menambahkan satu kerusi lagi dalam DUN Negeri Kelantan. Ini membolehkan 17 ADUN BN dan 26 PAS di dalam dewan berkenaan.

Pada awal tahun 1997, timbul pelbagai cerita dan desas-desus yang mengatakan beberapa ADUN S46 akan melompat masuk ke PAS.<sup>25</sup> Antaranya, ADUN bagi kawasan DUN Salor dan Galas, tetapi perkara itu tidak menjadi kenyataan. Apa yang menjadi kenyataan Nordin Yaakub ADUN Kelaboran, Tumpat yang melompat untuk memasuki PAS dan diberi jawatan Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB). Langkahnya diikuti oleh ADUN Tendong, Hussein Ahmad (S46) yang melompat ke parti PAS pada 29 Februari 1998 apabila tidak berpuas hati dengan layanan peringkat kepimpinan UMNO negeri terhadapnya. Pengumuman kemasukan Hussein dibuat sendiri di hadapan Timbalan Menteri Besar PAS, Abdul Halim Abdul Rahman yang juga Timbalan Persuruhjaya PAS Kelantan di kediaman rasmi Menteri Besar di JKR 10, Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, Kelantan.<sup>26</sup>

Kedua-dua tokoh ini diberi layanan baik dalam PAS apabila Nordin diberi peluang setahun memegang jawatan YDP MPKB, sebelum ditamatkan kontrak perkhidmatannya pada 31 Ogos 1998. Tempatnya

---

<sup>25</sup> *Berita Harian*, 10 Ogos 1996, hlm 5.

<sup>26</sup> *Berita Harian*, 29 Februari 1998, hlm 2.

diganti dengan Hussein Ahmad memegang jawatan yang sama berkuatkuasa 1 September 1998. Mereka diberi jawatan itu kerana PAS tidak mempunyai ganjaran lain kepada ADUN S46 dan BN jika mereka menyertai PAS kerana kerajaan negeri tidak mempunyai banyak jawatan untuk diberikan kepada mereka. Jawatan dalam PKINK, misalnya terpaksa diberikan kepada ADUN PAS kerana jumlah jawatan utama itu terlalu sedikit. Oleh yang demikian, jawatan YDP MPKB sering menjadi taruhan kerajaan negeri kepada mana-mana pihak untuk melompat kepada PAS. Walaupun pada dasarnya, kerusi Yang Dipertua MPKB agak panas kerana kakitangan dalam pentadbiran MPKB sering bergolak sehingga Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pernah menyatakan "Saya mahukan MPKB tenang semula kerana sebelum ini MPKB tidak tenang kerana ada pihak tertentu sengaja meminta majlis tempatan itu bergolak mengikut sesuka hati mereka, diharapkan pelantikan YDP baru boleh mengurangkan pergolakan itu."<sup>27</sup>

Nik Abdul Aziz mengeluarkan keluhan itu selepas menyaksikan upacara mengangkat sumpah Yang Dipertua Baru, Hussein Ahmad pada 2 September 1998 di Bilik Gerakan MPKB. Malangnya di majlis itu, YB Nordin tidak hadir kerana sebelum itu sudah ada desas desus Nordin mahu memegang semula jawatan itu jika disambung oleh kerajaan negeri.

---

<sup>27</sup> Berita Harian, 3 September 1998, hlm 12.

### **3.3.1 - Parti Politik**

#### **a. Parti Islam Se Malaysia (PAS)**

Penubuhan PAS bermula apabila jiwa pemimpin UMNO ketika itu yang berjiwa Islam sudah merasakan perlakuan kekosongan dalam perjuangan mereka. Kekosongan itu berlaku kerana sesetengah aktivis UMNO pada masa itu mendapat ajaran Islam masih di tahap lama dan perlu perjuangan baru bagi menghidupkan dan menyemarakkan perjuangan itu semula. Kebetulan dalam UMNO sudah ada bahagian yang ditugaskan bagi menjalankan urusan hal ehwal Islam yang diketuai oleh Allahyarham Haji Ahmad Fuad Hassan.

Bagaimanapun, pemimpin dalam badan itu tidak berpuas hati dengan perjalanan badan terbabit serta mahukan badan induk itu ditubuhkan bagi melandaskan perjuangan mereka. Punca penubuhan PAS boleh digalurkan daripada beberapa sumber berkait rapat dengan Islam dan nasionalisme Melayu. Pada mesyuarat pemimpin Islam anjuran UMNO di Johor Bharu pada bulan Februari 1950, suatu keputusan telah diambil untuk menubuhkan sebuah badan dalam UMNO, dinamai Persatuan Ulama Se-Tanah Melayu. Hubungan badan ini dengan UMNO semakin renggang setelah Datuk Onn keluar daripada UMNO, kemudian

ia bergabung dengan sebuah kumpulan lain dalam mesyuarat ketiganya di Kepala Batas dalam tahun 1951.

Kumpulan baru itu terdiri daripada ahli Hizbul Muslimin (Persaudaraan Islam) yang sebenarnya tidak mempunyai organisasi rasmi.<sup>28</sup> Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol sebenarnya wujud pada 14 Mac 1948. Ia adalah hasil daripada desakan Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA), iaitu satu badan dari Partai Melayu Kebangsaan Melayu Se-Malaya diasaskan pada bulan Oktober 1945. Bagaimanapun, riwayat Hizbul Muslimin tidak kekal lama. Hasil desakan Dato' Onn Jaafar yang ketika memimpin UMNO, Inggeris telah mengisyiharkan pengharaman Hizbul Muslimin disebut sebagai *Red Islamic Party* yang menyamakan pengaruh komunis yang dianggap berbahaya. Pada ketika itu, wujud istilah seperti 'Bahaya Dari Gunung' bagi menggambarkan bahawa parti yang radikal sudah ditubuhkan.

---

<sup>28</sup> R.S Milne dan Diane K. Muazy, *Politik dan Kerajaan Malaysia*, hlm 165.

Penubuhan PAS secara rasminya ialah pada 24 November 1951. Seorang ahli akademik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Wan Hashim Wan Teh menyatakan bahawa penubuhan parti PAS berlaku sesudah persidangan ulama di Johor Bahru, Johor dan kemudian berpindah ke Seberang Prai, Pulau Pinang. Hasil persidangan itu tertubuhlah, sebuah parti politik Islam diberi nama Persatuan Islam Se Malaya atau nama ringkasnya PAS<sup>29</sup> Haji Ahmad Fuad Hassan dilantik sebagai Yang Dipertua Agung PAS yang pertama. Pejabat agung PAS pertama di anjung Madrasah Masriyah, Bukit Mertajam, Seberang Prai. Pejabat PAS berpindah ke Madrasah Daerahtul Ma'arif, Kepala Batas, Pulau Pinang sebelum ke Kuala Lumpur. Yang Dipertua Agung PAS kedua ialah Dr Baharuddin al-Helmy dan ketiga, Datuk Mohd Asri Che Muda yang memimpin parti itu selama 18 tahun di antara 1965 hingga 1983. Ketika kepimpinan Mohd Asri, PAS mengembangkan sayapnya dengan cepat sekali termasuk di Kelantan dan Terengganu. Pada masa yang sama, PAS yang berasal dari Utara di awal penubuhannya mendapat sambutan luar jangkaan di Pantai Timur sehingga parti itu boleh memerintah di kedua-dua negeri di Kelantan dan Terengganu. PAS

---

<sup>29</sup> Mohd Asri Muda, *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1993, hlm 37.

mencapai kemenangan di Kelantan apabila menyapu bersih 10 kerusi Parlimen dan 28 daripada 30 kerusi DUN yang dipertandingkan di Kelantan dalam pilihan raya umum 1959.

Kemenangan itu dianggap sebagai kejayaan PAS, sebagai parti baru yang sedang merangka pelbagai strategi untuk memenangi pilihan raya sekali gus dapat memerintah negeri lain. Negeri yang disasarkan ialah Terengganu, PAS mencapai kemenangan dengan secara mengejut memperolehi 13 daripada 24 kerusi DUN sehingga boleh menuju ke kerajaan. Empat kerusi Parlimen berbanding enam kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya berikutnya.<sup>30</sup>

PAS yang menentang UMNO dari 1955, 1959, 1964 hingga 1969. Dalam masa yang sama bergabung dengan UMNO (Perikatan) dalam kerajaan campuran pada 1 Januari 1973. Kerjasama itu tidak kekal selama-lamanya apabila ikatan kerjasama terurai disebabkan masalah tertentu. Kejayaan kerajaan campuran itu tidak berulang lagi sehingga ke hari ini apabila PAS di bawah kepimpinan ulama diterajui Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menggariskan beberapa pendekatan baru sekiranya ingin terbabit dalam kerajaan campuran. Walaupun ada ura-ura untuk PAS di bawah pimpinan baru untuk

---

<sup>30</sup> Ibid., *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*, hlm 23.

bergabung dengan UMNO dalam BN tetapi usaha itu tidak bertahan lama.

Nik Abdul Aziz pernah berkata:

UMNO dan PAS tidak payah bercantum sekiranya UMNO sanggup ubah dasar kepada al-Quran dan hadis, kita (PAS) sedia menyokong perjuangan UMNO. Malahan, jika mereka (UMNO) hendak memerintah sehingga kiamatpun akan diberi mandat. Kalau UMNO hendak menyerahkan kepada kita (PAS) memerintah pun tidak apa kerana kita (PAS) sudah mempunyai pengalaman. Tak perlu timbul masalah cantuman atau tidak kerana UMNO adalah hak orang Melayu yang menerima Islam. Sebagai orang Islam, tidak ada sebab dia (UMNO) menghadapi masalah untuk menerima al-Quran dan Hadis sebagai dasar perjuangannya.<sup>31</sup>

Datuk Asri ketika memegang jawatan Yang Dipertua banyak mempraktikkan agenda memperkuuhkan dasar perjuangan PAS yang dipelopori oleh Dr Baharuddin Helmy serta Zulkifli Muhammad sebelumnya kerana dasar perjuangan PAS pada waktu itu ialah antara Islam dan fahaman kebangsaan Melayu. Asri juga pernah berkata bahawa: Islam itu tidak boleh diletakkan di atas pokok, digantung di dahan kayu atau di atas dinding. Ia mesti ada pendukungnya.”<sup>32</sup>

<sup>31</sup> Berita Harian, 7 Januari 1999, hlm 16.

<sup>32</sup> Ibid., *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*, hlm 26.

Menurutnya dalam konteks Malaysia, pendukungnya ialah orang berbangsa Melayu. Ini bermakna bahawa Islam dan orang Melayu tidak boleh dipisahkan dan dari sudut yang sama, Islam akan menjadi kuat, utuh serta terjamin masa depan, orang Melayu itu sendiri terjamin. Bagaimanapun, pemimpin PAS dewasa ini menyadari hakikat pelbagai liku-liku perjuangan terpaksa ditempuh oleh parti PAS, mahupun pemimpin PAS itu sendiri dalam memperjuangkan nasib parti mereka. Paling kemuncak liku-liku perjuangan mereka ialah peristiwa hitam pembunuhan beramai-ramai di Memali, Baling, Kedah yang berlaku pada 19 November 1985, di sebuah kampung terpencil di utara tanah air. Dalam peristiwa itu, 19 terkorban dan berpuluhan-puluhan lagi cedera. Selain itu, pemimpin PAS juga diuji dengan pelbagai operasi seperti Operasi Kenari dan Operasi Lalang yang dilakukan oleh kerajaan bagi menahan pemimpin pembangkang yang radikal sehingga menjelaskan ketenteraman awam.

Bagaimanapun, semangat perjuangan kental akhirnya merintis kepada kemenangan PAS dalam pilihan raya serta menambah keahlian dari semasa ke semasa apabila berjaya memikat hati rakyat di negara ini. Namun apa yang jelas, pemimpin PAS silih berganti menyebabkan PAS semakin matang berpolitik dalam usaha memartabatkan al-Quran dan Hadis sebagai rujukan tertinggi dalam menjalankan pemerintahan di

negara ini. Kini PAS sudah mula menuju alaf baru yang akan memberi banyak cabaran hebat kepada perjuangannya. Parti itu perlu memantapkan barisan kepimpinannya dengan pelbagai infrastruktur politik di samping melengkapkan alat komunikasi canggih dan terkini bagi mendapat maklumat lebih pantas, cepat dan tepat serta komitmen yang tinggi.

Presiden PAS, Datuk Fadzil Mohd Noor dalam temubual oleh majalah *Tamadun* pernah menegaskan satu perkembangan terbaru dalam perjuangan PAS apabila generasi muda sudah mula sedar tanggungjawab mereka dalam negara demokrasi. Pendaftaran ahli PAS yang baru amat menggalakkan. Dalam tempoh lapan bulan yang lalu lebih kurang 100,000 ahli baru sudah diterima menjadi ahli PAS.<sup>33</sup>

#### **b. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)**

Selepas Perang Dunia II, kesedaran rakyat Tanah Melayu untuk menubuhkan parti politik bagi memperjuangkan nasib bangsa mereka meluap-luap kerana mereka masih lagi dijajah oleh kuasa British, kemudian Jepun dan kembali kepada British sebelum mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Kesedaran kalangan cendekiawan

---

<sup>33</sup> Razali Endun, *Pas Yakin Menang, Tamadun*, Penerbitan Muttaqin, Kuala Lumpur, Mei 1999, hlm 43..

ataupun golongan elit Melayu pada waktu itu membolehkan UMNO ditubuhkan pada 12 Mei 1946.<sup>34</sup> UMNO ditubuhkan dengan menggabungkan beberapa buah kelab, persatuan dan pertubuhan politik bagi memperjuangkan nasib bangsa Melayu apabila British memperkenalkan Malayan Union bagi memerintah Tanah Melayu. Hasil perjuangan pemimpin UMNO dan kumpulan lain dengan sokongan sembilan Raja-raja Melayu, Malayan Union dibubarkan dan diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948.

Sebenarnya, UMNO pada awal diasaskan oleh Datuk Onn Jaafar sebagai pertubuhan yang bergerak menentang penjajah British secara diplomasi sebelum diambil alih pimpinan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, Tun Abdul Razak Hussien, Tun Hussein Onn dan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga sekarang.

### **c. Barisan Jemaah Islam Malaysia (Berjasa)**

Parti ini adalah serpihan daripada penyokong PAS dan UMNO yang tidak berpuas hati apabila gagal memimpin kedua-dua parti berkenaan. Kegagalan dan sikap tidak berpuas hati dalam beberapa perkara menyebabkan sesetengah pemimpin, keluar daripada kedua-dua parti itu

---

<sup>34</sup> <http://www.umno.com.my>

dan menubuhkan Barisan Jemaah Islam Malaysia (Berjasa). Penubuhan Berjasa dikatakan dirancang oleh UMNO Kelantan dalam tahun 1977 apabila berlaku perpecahan dalam PAS. Perancangan itu dilakukan untuk memecah-belah pemimpin dan penyokong PAS dalam usaha UMNO merampas semula kuasa pemerintahan dalam pilihan raya 1978. Berjasa hanya bergiat cergas di Kelantan dan mempunyai pejabatnya di Jalan Merbau, Kota Bharu sehingga sekarang.

Berjasa banyak mendapat simpati S46 ketika dalam APU. Berjasa bergabung dalam APU untuk bertanding di kawasan DUN kawasan Kota Lama. Bagaimanapun, calon parti itu kalah teruk apabila ditentang tiga penjuru. Leong Sue Siang, calon BN memenangi kawasan itu sehingga Mohd Anwar Tan (PAS). Setakat ini, Berjasa kurang mendapat sambutan hanya menunggu masa untuk dibubarkan.

#### **d. Parti Hizbul Muslimin (Hamim)**

Parti ini ditubuhkan semula oleh bekas Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Mohd Asri Che Muda selepas meletakkan jawatan sebagai pemimpin PAS apabila berlaku krisis kepimpinan menjelang muktamar agung PAS ke-28 di Kuala Lumpur pada Oktober 1982. Hamim pernah disertai oleh

bekas pemimpin ternama PAS seperti bekas Yang Dipertua PAS Kelantan, Datuk Nik Abdul Rahman Nik Mat yang juga bekas Menteri Besar Kelantan dan ADUN kawasan Perupok, Haji Mohd Noor Awang.<sup>35</sup>

Pada asalnya, parti ini ditubuhkan di Perak oleh Abu Bakar al-Baqir di Madrasah Ehya Assharif, Gunung Semanggol pada 1947. Ia sebuah parti Islam yang pertama dicop sebagai parti berhaluan kiri kerana tidak berkompromi dengan pentadbiran British yang menjajah Tanah Melayu ketika itu. Bagaimanapun, parti yang dianggap berhaluan kiri itu diharamkan bersama Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan pemimpin kanan mereka dipenjarakan. Parti itu kemudian dihidupkan semula oleh Datuk Mohd Asri yang kecewa dengan PAS tetapi jangka hayat parti itu tidak panjang dan pemimpinnya memasuki UMNO sebelum meninggal dunia.

#### **e. Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM)**

Parti ini juga merupakan kumpulan serpihan daripada PAS. Presidennya, Musa Salleh pernah satu ketika bersama-sama dalam barisan pimpinan utama PAS di kawasan Pasir Puteh. Bagaimanapun, disebabkan perasaan tidak puas hati dengan pimpinan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mereka menubuhkan AKIM. Bagaimanapun, Presidennya, Musa Salleh

---

<sup>35</sup> Mohd Zain Salleh, *Sejarah UMNO Kelantan*, hlm 143.

sudah pun meninggal dunia akibat diserang angin ahmar pada 1 Februari 1999. Allahyarham meninggal dunia di rumahnya di Kampung Wakaf Lanas, Pasir Puteh, Kelantan pada jam 10.40 pagi.<sup>36</sup>

#### **f. Parti Melayu Semangat 46 (S46)**

Parti ini diasaskan pada 5 Mei 1989 dengan nama asalnya Semangat 46 yang diambil sempena tahun kebangkitan orang Melayu menentang Malayan Union dan tahun UMNO asal ditubuhkan. Penubuhan itu dilakukan apabila UMNO asal dibatalkan pendaftarannya oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988.

Selepas itu, pelbagai usaha dilakukan untuk menghidupkan UMNO asal tetapi tidak berjaya. Beberapa tokoh veteran UMNO, termasuk Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dan Allahyarham Tun Hussein Onn cuba menyatukan kumpulan yang berpecah. Malangnya kumpulan lain di bawah pimpinan Dr Mahathir Mohamad menubuhkan UMNO baru. Sebab lain tertubuhnya parti itu ialah kegagalan Tengku Razaleigh Hamzah merebut jawatan Presiden UMNO apabila kalah kepada lawannya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Mesyuarat agung pertama Semangat 46 diadakan pada 12 Oktober 1989

---

<sup>36</sup> Berita Harian, 2 Februari 1999, him 20.

dan dirasmikan oleh Tunku Abdul Rahman. Pucuk pimpinan parti diketuai Tengku Razaleigh Hamzah, bekas Menteri Kewangan selaku Presiden dan Datuk Rais Yatim, bekas Menteri Luar sebagai Timbalan Presiden. Almarhum Tunku Abdul Rahman terus bersama dengan Semangat 46 sehingga ke akhir hayatnya.

Semangat 46 mengorak langkah meminda perlembagaan dan nama parti apabila memberi nama Parti Melayu Semangat 46 disahkan pendaftarannya pada 4 Ogos 1994. Antara matlamat parti itu ialah memperjuangkan hak-hak keistimewaan orang Melayu dan menegakkan syiar Islam di samping mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama dengan menjamin kepentingan semua kaum melalui hak asasi manusia.<sup>37</sup>

Antara tokoh lain dalam parti itu ialah Datuk Paduka Hajah Rahmah Othman dan Datuk Ibrahim Ali. Bagaimanapun, Rahmah dan Ibrahim masuk ke dalam UMNO lebih awal apabila menyedari tekanan terlalu kuat apabila menyertai S46. Tekanan dan pujuhan itu juga menyebabkan pemimpin S46 kembali kepada UMNO apabila memutuskan persaudaraan dalam parti dan kerajaan APU di Kelantan.

---

<sup>37</sup> Ibid., *Sejarah UMNO Kelantan*, hlm 216.

Dalam pilihan raya umum 1990, Semangat 46 berjaya menyatukan parti politik di luar kerajaan dan pakatan mereka beroleh kejayaan apabila hampir 50 peratus pengundi menolak BN. Parti-parti komponen BN tumpas di Kelantan dan Sabah di tangan PBS, manakala kuasa BN di Terengganu dan Pulau Pinang turut tergugat. S46 mencapai kejayaan cemerlang di Kelantan sehingga mampu memerintah Kelantan secara berkongsi kuasa dengan PAS apabila menewaskan BN dalam pilihan raya 1990. Ini diikuti kemandiannya dalam pilihan raya pada 1995. Bagaimanapun, kekuatan APU tidak tahan lama apabila ADUN S46 masuk menjadi pembangkang semula dalam DUN apabila Presiden partinya, membubarkan parti berkenaan dan mengarahkan ahlinya memasuki UMNO secara berpakej walaupun wujudnya tentangan secara senyap di kalangan ahli UMNO di peringkat cawangan dan bahagian.

**g. Kumpulan Islah.**

Parti ini merupakan serpihan PAS yang diwujudkan oleh golongan menentang PAS kerana mengadakan pakatan dengan Parti Semangat Melayu 46 (S46). Kumpulan juga mempunyai golongan cendekiawan untuk memimpin parti, tetapi kurang popular kerana tidak mengemukakan dasar yang jelas sehingga kadang-kadang hampir sama dengan perjuangan PAS.

#### h. Parti Keadilan Nasional (KEADILAN)

Parti Keadilan Nasional ini ditubuhkan pada 4 April 1999. Parti itu merupakan sebuah pertubuhan politik yang didaftarkan pada tahun 1990 dengan nama asalnya, Ikatan Masyarakat Islam Malaysia dan kini menjadi wadah baru perjuangan gerakan reformasi dan penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas beliau dipecat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas tuduhan menyalahguna kuasa serta menghadapi tuduhan melawan.

Berikut itu, Datuk Seri Anwar dijatuhi hukuman penjara enam tahun atas kesalahan menyalahgunakan kuasanya. Bagaimanapun, hukuman terhadapnya dianggap suatu kezaliman Dr Mahathir dan rakan menteri lain, termasuk Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin yang juga Menteri Kewangan Pertama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan beberapa menteri kabinet sebelum pilihan raya 1999 dikatakan terbabit dalam konspirasi 'menjatuhkannya' daripada menerajui pimpinan negara.

Pandangan itu menyebabkan Datuk Seri Anwar bangun memberontak sebaik sahaja dipecat daripada jawatan dalam kabinet dan

parti dengan membuat ceramah besar-besaran di seluruh negara bagi memperjelaskan isu yang dikaitkan dengan dirinya yang dianggap tidak benar sama sekali. Sebaliknya wujud golongan yang ingin menjatuhkan beliau kerana beliau dilihat sebagai penganti kepada Dr Mahathir untuk menerajui pimpinan negara menjelang alaf baru. Ceramah besar-besaran itu membangkitkan semangat penyokong Datuk Seri Anwar sebelum kumpulan ini membuat demonstrasi dan berarak secara aman di ibu kota terutama Kuala Lumpur mendesak Dr Mahathir meletak jawatan. Bagaimanapun semua permasalahan itu ditangani dengan penahanan Datuk Seri Anwar di kediaman peribadinya di Damansara, Kuala Lumpur sebelum didakwa ke mahkamah dan dijatuahkan hukuman penjara enam tahun. Beliau kini ditahan di Penjara Sungai Buloh, Selangor.

Keadaan itu menyebabkan isteri, Datin Dr Wan Azizah Wan Ismail dan penyokongnya termasuk bekas Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan, Roslan Kasim, bekas Penolong Bendahari Pemuda UMNO Pusat, Saifudin Nasution, Ketua Pemuda Pulau Pinang, Dr Rahim Gouse serta rakan lain mengambil inisiatif menubuhkan KEADILAN bagi menjadi sebuah lagi parti alternatif rakyat pelbagai kaum negara ini untuk mengundi dalam pilihan raya umum 1999. KEADILAN diterajui oleh Datin Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai Presiden, Timbalan Presiden, Dr Chandra Muzafar, Roslan Kasim memegang jawatan Ketua Pemuda KEADILAN dan lain-lain jawatan dipegang oleh ahli politik dan golongan

profesional. Bagaimanapun, dalam pemilihan terbaru di Kemaman Terengganu, pada November 2001, Dr Chandra Muzafar melepaskan jawatannya. Parti ini membuka keanggotaan kepada semua kaum tanpa mengira perbezaan budaya, bahasa dan agama.

Parti itu turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada pertubuhan penyokong Anwar dan pendokong reformasi seperti Gerak, Gagasan Demokrasi Rakyat (GDR) serta parti pembangkang seperti PRM, PAS dan DAP. KEADILAN dikatakan memberi tentangan hebat kepada UMNO apabila mereka bergabung dengan parti pembangkang lain seperti PAS, DAP, PRM membentuk Barisan Alternatif (BA) bagi menghadapi BN dalam pilihan raya umum ke-11 pada 29 November 1999 lalu. Parti itu yang mendapat sokongan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO), terutama pemimpin dan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), kakitangan kerajaan dan swasta serta pelbagai lapisan masyarakat negara ini terus memberi saingan kepada UMNO sebelum memenangi beberapa kerusi Parlimen dan DUN dalam pilihan raya 1999.

### **3.3.2 – PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) KELANTAN.**

#### **3.3.2a - Sejarah Penubuhannya**

PAS di Kelantan ditubuhkan dengan pelbagai faktor. Asas politik Islam di negeri itu sudah dibina dalam tahun-tahun 1920-an oleh Haji Ahmad Ismail, Haji Muhammad Yusoff Ahmad atau Tok Kenali dan rakan mereka seperti Haji Muhammad Muhammad Said dan lain-lain yang sangat berperanan dalam membuka hati rakyat menyambut dan menyokong parti politik selari dengan pemikiran mereka.

PAS muncul sebagai parti yang memperjuangkan survival politik Islam di Kelantan. Majalah *Ad-Din* tidak menolak peranan tokoh tempatan ketika itu menubuhkan PAS Kelantan seperti pemuda-pemuda daripada Angkatan Pemuda Insaf (API) yang diharamkan oleh British. Mereka termasuklah Mohd Asri Che Muda dan rakan-rakannya. Cawangan PAS pertama di Kelantan ialah di Pasir Mas dan penubuhan cawangannya dirasmikan pada 23 Julai 1953 dengan barisan pimpinan seperti Amaluddin Darus, Ahmad Yatim dan Mohd Noor Senik. Mereka terus menyebarkan PAS ke seluruh negeri Kelantan dengan pelbagai cara termasuk berbual di kedai kopi. Formula menerangkan dan berborak di

kedai kopi membantu pemimpin PAS memperkenalkan dasar perjuangan PAS.

Penubuhan cawangan kedua PAS ialah di Machang pada 21 September 1953 dan pemimpin yang bertanggungjawab membawa PAS ke Machang ialah Haji Muhammad Nor Hj Yusof atau lebih dikenali sebagai Haji Mohd Noor Machang yang mempunyai pengikut yang lupa hidup dan mati kerana PAS.<sup>38</sup> Beliau juga Yang Dipertua PAS Machang pada 1955.

Ini diikuti dengan penubuhan cawangan ranting di Tanah Merah (1955); Bachok (1956); Kuala Krai (1958); Tumpat (1959) dan cawangan Kota Bharu serta Pasir Puteh pada 1954. Bagaimanapun, PAS kembali berkembang pesat setelah kepulangan Mohd Asri Haji Muda dibantu oleh Ishak Haji Lotfi Omar yang juga anak saudara Mohd Asri dan Ustaz Othman Abdullah selaku Ketua Pemuda PAS Kelantan.

PAS Kelantan mula bersinar apabila pemimpin-pemimpinnya PAS mula memainkan sentimen dengan menyelitkan kefahaman politik Islam dalam setiap ceramah mereka. Gandingan unsur nasionalisme dengan

---

<sup>38</sup> Kamarul Zaman Yusoff, *Perjuangan Penuh Cabaran*, Qamar Publishing, Kota Bharu, Kelantan, hlm 1.

ayat-ayat al-Quran dan Hadis berjaya memikat guru-guru pondok untuk menyertai parti itu. Gabungan dua unsur itu dipraktikkan oleh pemimpin seperti Mohd Asri dan Amaluddin Darus sehingga negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Selepas merdeka, sejarah kewujudan PAS disebabkan wujudnya kumpulan serpihan agama daripada kalangan pemimpin UMNO. Pemimpin PAS seperti Dr Burhanuddin al-Helmy dan Mohd Asri Haji Muda masih mengekalkan semangat nasionalis dalam perjuangan mereka, tetapi lama-kelamaan PAS mula bergerak dengan meletakkan Islam di tempatnya dengan mengambil ulama dan ustaz untuk mengetuai jemaahnya daripada peringkat cawangan, bahagian hingga ke pusat. Ini berlaku di dalam pimpinan PAS Kelantan apabila munculnya pemimpin seperti Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang juga Mursyidul Am PAS sekarang, Presiden PAS, Datuk Fadzil Mohd Noor dan Timbalan Presiden PAS Pusat, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang juga Menteri Besar Terengganu.

Kemunculan mereka ini yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah memberi nafas baru kepada saf pimpinan PAS peringkat negeri dan Pusat. Di Kelantan sebagai contoh, muncul tokoh baru dan sederhana untuk memikat rakyat Kelantan bahawa PAS bukan parti untuk golongan veteran tetapi untuk pelbagai peringkat golongan. Oleh itu,

ADUN PAS yang muda-muda dipilih untuk bertanding dalam pilihan raya umum dan pilihan raya kecil, sejak 1990 hingga 1999. Antara tokoh dimaksudkan ialah ADUN Meranti, Ustaz Nasaruddin Daud, Hassan Mahmud (Tawang) dan Zulkifli Mamat (Pulai Chondong). Golongan ini boleh berbahasa Arab, Melayu dan Bahasa Inggeris mula mendapat tempat di kalangan rakyat Kelantan.

### **3.3.2b – PAS Pimpinan Asri**

Nama Mohd Asri Haji Muda agak sinonim dengan PAS kerana beliau bersama isterinya pernah berpindah dari Gunung Semanggol, Perak untuk mengabadikan diri dengan parti itu pada awal penubuhannya pada 1952. Beliau pernah bekerja sebagai tukang sapu sampah dan membersihkan pejabat di samping kerja-kerja pentadbiran seperti menulis surat dan mencataatkan minit mesyuarat. Beliau aktif dalam PAS daripada bawah sehingga dilantik menjadi Pesuruhjaya PAS bagi kedua-dua negeri, iaitu Kelantan dan Terengganu. Kepulangan Mohd Asri ke Kelantan boleh diibaratkan ‘gagak pulang ke benua’ kerana di Kelantan, beliau dikenali sebagai ‘Ayah Mat’, ‘Pak Su Mat’ dan ‘Pak Mat’. Mohd Asri yang baru sahaja memegang jawatan Pesuruhjaya PAS berpuas hati dengan sambutan dan perkembangan parti PAS di Kelantan sehingga PAS boleh menawan hati rakyat negeri itu dengan menyapu bersih semua

sepuluh kerusi Parlimen dan 28 daripada 38 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan dalam pilihan raya umum 1959.

Dalam masa yang sama, Terengganu juga mendapat kemenangan yang tidak disangka-sangka. Kemenangan di dua negeri itu dikatakan hasil perancangan dan strategi pilihan raya yang diatur rapi. Mohd Asri juga menjadi calon PAS di Parlimen Pasir Puteh.

Hakikat bahawa PAS mampu bertapak dengan kukuh di Kelantan selama 18 tahun dari tahun 1959 hingga 1977 adalah satu rekod yang tidak pernah dipegang oleh parti pembangkang lain di negara ini. PAS pada zaman Mohd Asri juga mencatatkan sejarah apabila menyertai BN demi perpaduan bangsa Melayu selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Mohd Asri sedia duduk semeja untuk membincangkan masalah perpaduan bangsa Melayu yang agak goyah disebabkan masalah dalaman negara. Asri meninggal PAS pada 1983 apabila khidmatnya tidak diperlukan dalam muktamad ke-28 parti PAS pada Oktober 1982 sebelum menujuhan parti Hamim dan dua tahun kemudian meninggalkan Hamim untuk menyertai UMNO. Beliau pernah menyatakan 'Saya sendiri pun kalau tersingkir, saya percaya PAS akan terus hidup, sebab habuannya bukan orang tetapi api perjuangannya.<sup>39</sup>

---

<sup>39</sup> Ibid, *Perjuangan Penuh Cabaran*, hlm 110.

### **3.3.2c - PAS Pimpinan Nik Abdul Aziz**

Sejak akhir tahun 1960-an, suatu zaman tanpa ideologi telah bermula. Kekosongan ideologi anti-liberal ini muncul suatu tenaga baru yang dipanggil sebagai 'fundamentalisme Islam'. Fahaman Islam konservatif anti-Barat yang berpunca dari gerakan Ikhwan 'ul-Muslimin di Mesir telah menang dan bertapak di Iran dalam revolusi anti-Syah Iran pada 1979. Fahaman ini telah sampai ke Malaysia dan dianut oleh PAS sekitar 1983 dengan dasar kepimpinan 'kepimpinan ulama'.

Pada awal pemerintahan ulama, pelbagai pihak terutama pemimpin BN melabelkan ulama tidak mampu memerintah. Ini boleh dilihat dengan jelas apabila dalam era pentadbiran Datuk Abdul Aziz Nik Mat di Kelantan, beliau pernah menerima desakan hebat apabila Konvensyen UMNO Kelantan 1998 sebutul suara meluluskan resolusi mendesaknya meletak jawatan berikutan kegalannya mentadbir negeri ini. Usul peletakan jawatan itu dicadangkan oleh Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian yang juga ADUN, Datuk Ahmad Rusli Iberahim dan disokong oleh Ketua Wanita UMNO Kuala Krai, Rohani Daud.<sup>40</sup> Alasan resolusi itu ialah kenyataan Nik Abdul

---

<sup>40</sup> Berita Harian, 31 Mei 1998, hlm 6.

Aziz dalam isu berkaitan dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dianggap memecah-belahkan perpaduan umat Islam di samping Kelantan ketandusan pembangunan ekonomi. Selain itu Nik Abdul Aziz didakwa selalu melakukan kesilapan dalam soal-soal pentadbiran. Turut menjadi isu ialah PAS di bawah pimpinan Nik Abdul Aziz ketandusan pemimpin tempatan apabila bersedia mengambil tokoh luar untuk bertanding di Kelantan pada pilihan raya.<sup>41</sup>

### **3.3.2d – Kemenangan PAS Di Kelantan 1990**

Pada pilihan raya 1990, PAS bergabung di bawah APU. Antara parti yang digabungkan dalam APU ialah PAS, S46, Berjasa dan Hamim. Keempat-empat parti ini mengharungi pilihan raya umum dengan jayanya apabila mampu merampas Kelantan daripada kerajaan BN. Kemunculan dua pemimpin, iaitu Nik Abdul Aziz sebagai tokoh agama dan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai pemimpin Melayu berketurunan raja membawa rahmat kepada rakyat Kelantan. Mereka mengubah pendirian dalam pilihan raya umum bagi memberi peluang kepada kedua-dua

---

<sup>41</sup> Berita Harian, 3 Julai 1998, hlm 11.

pemimpin itu, Nik Abdul Aziz dan Tengku Razaleigh untuk memerintah Kelantan selepas memberi mandat itu kepada BN pada pilihan raya umum 1985. Rakyat Kelantan memilih PAS bersama parti gabungan lain untuk memerintah Kelantan. Bagaimanapun, kerjasama dengan S46 tidak kekal lama apabila S46 kembali kepada pangkuan UMNO. Yang tinggal bersama PAS kini ialah Hamim dan Berjasa.

PAS memerintah Kelantan dan mula mendapat caci dan cemuhan daripada pelbagai pihak<sup>42</sup> kerana Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dikatakan tidak mampu memerintah seorang diri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam urusan pentadbiran negeri. Bagaimanapun, usaha mentadbir negeri terus dilakukan walaupun terdapat pelbagai masalah seperti masalah pemecatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) di kalangan ahli S46 dan masalah dalaman MPKB serta masalah dengan istana.

---

<sup>42</sup> Temubual dengan Takiyuddin Hassan.

### **3.3.2e - Pimpinan PAS Di Bawah Kepimpinan Ulama.**

Kepimpinan ulama adalah arah baru bagi perjuangan PAS yang sebelum ini lebih mirip kepada perjuangan agama dan nasionalisme. Kemunculan kepimpinan ulama ini bukan disengajakan, malahan berlaku dalam keadaan spontan apabila banyak tokoh ulama tampil menyertai PAS dan membawa sekali idea untuk menjadikan kepimpinan ulama sebagai teras perjuangan parti itu menjelang abad ke-21. Mereka merasakan bahawa kepimpinan sekular mesti ditukar kerana tidak menjadikan al-Quran dan hadis sebagai pegangan mereka dalam aspek pentadbiran, perundungan dan perlombagaan.

Kepimpinan ulama cuba mendekati rakyat negara ini selepas masyarakat Islam seluruh dunia kembali membuka mata untuk meletakkan Islam di landasan sebenar. Selain itu, kepimpinan ulama ini juga dianggap relevan dengan perjuangan PAS dewasa ini yang meletakkan Islam sebagai dasar dan perjuangan dalam menghadapi arus pemodenan masyarakat dunia hari ini.

### **3.3.2e - Pimpinan PAS Di Bawah Kepimpinan Ulama.**

Kepimpinan ulama adalah arah baru bagi perjuangan PAS yang sebelum ini lebih mirip kepada perjuangan agama dan nasionalisme. Kemunculan kepimpinan ulama ini bukan disengajakan, malahan berlaku dalam keadaan spontan apabila banyak tokoh ulama tampil menyertai PAS dan membawa sekali idea untuk menjadikan kepimpinan ulama sebagai teras perjuangan parti itu menjelang abad ke-21. Mereka merasakan bahawa kepimpinan sekular mesti ditukar kerana tidak menjadikan al-Quran dan hadis sebagai pegangan mereka dalam aspek pentadbiran, perundungan dan perlembagaan.

Kepimpinan ulama cuba mendekati rakyat negara ini selepas masyarakat Islam seluruh dunia kembali membuka mata untuk meletakkan Islam di landasan sebenar. Selain itu, kepimpinan ulama ini juga dianggap relevan dengan perjuangan PAS dewasa ini yang meletakkan Islam sebagai dasar dan perjuangan dalam menghadapi arus pemodenan masyarakat dunia hari ini.

Pemimpin PAS sebelum ini juga dikatakan tidak begitu yakin serta tidak begitu komited dengan kekuatan Islam, menyebabkan mereka memilih untuk meletakkan perjuangan PAS sama dengan UMNO.<sup>43</sup>

Berdasarkan sejarah, kepimpinan ulama dimulakan apabila berlaku peletakan jawatan Datuk Asri Haji Muda sebagai Yang Dipertua PAS pada 23 Oktober 1982 di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Tempat beliau digantikan oleh Haji Yusuf Rawa, iaitu pemimpin seangkatan dengan Datuk Asri, tetapi lebih memahami kehendak ahli Pas serta tuntutan zaman. Haji Yusuf menerajui kepimpinan PAS bersama barisan pimpinan baru dan muda yang berjiwa Islam.

Mereka ialah Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Datuk Fadzil Noor. Keempat-empat tokoh ini membuka lembaran baru dengan meletakkan Islam di hadapan bagi setiap perjuangan mereka. Pendekatan baru itu mendapat sokongan rakyat kerana golongan ini menjadikan PAS sebagai harakah Islamiah yang syumul dan universal. PAS dengan kepimpinan ulama terus mendapat sambutan dari semasa ke semasa sehingga mampu menggugat UMNO yang menjadi saingannya dalam setiap pilihan raya. Kepimpinan ulama

---

<sup>43</sup> Mohd Sayuti Omar, *Kelantan Selepas Pantang*, Tinta Merah, Kuala Lumpur, 1991, hlm 50.

terbukti mendapat sokongan apabila PAS dapat menubuhkan kerajaan di Kelantan.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang juga Mursyidul Am PAS menjelaskan bahawa kebolehan golongan ulama tidak boleh diperkecilkan dalam mentadbir negara. Golongan ini sudah mampu mentadbir kerajaan dan membawa perubahan kepada negara. Anggapan pihak tertentu bahawa ulama tidak boleh menerajui pentadbiran negara kerana terpengaruh dengan fahaman dan corak pentadbiran yang ditinggalkan penjajah Inggeris, tidak boleh diterima.<sup>44</sup>

Keadaan itu dikatakan berpunca daripada negara yang ditadbir oleh kuasa asing (penjajah) mengikut hala cara mereka sehingga menyebabkan berlaku gejala tidak sihat, termasuk rasuah, judi dan arak. Oleh itu, kerajaan pada hari ini banyak dipengaruhi dengan fahaman penjajah apabila memberi segala bentuk kemudahan termasuk mengeluarkan lesen menjual arak, judi dan membenarkan kegiatan maksiat berleluasa.

Bagaimanapun, apabila diperintah atau ditadbirkan oleh golongan ulama, segala bentuk maksiat itu mesti diharamkan kerana salah di sisi agama. Bentuk kemudahan lain boleh disediakan seperti kerajaan lain memerintah. Soal golongan ulama tidak boleh menyediakan

pembangunan tidak timbul kerana setiap pemerintah bertanggungjawab menyediakan kemudahan itu termasuk jalan raya, sekolah, klinik, dan sebagainya.

Persoalan ulama hanya mampu membaca kitab dan mengajar di madrasah dan masjid juga wajar diketepikan. Golongan ini sebenarnya sudah ke hadapan pada alaf ini dan buktinya ialah apabila PAS yang diketuai Datuk Nik Abdul Aziz mampu memerintah Kelantan meskipun setelah berpecah dengan S46. Fahaman bahawa ulama atau 'tok guru' dianggap tidak layak memegang kerajaan atau menerajui pemerintahan negara tidak benar.

Kerajaan Kelantan sudah melaksanakan beberapa dasar yang selari dengan kehendak Islam sendiri. Antara dasar yang diperkenalkan semasa pimpinan ulama di Kelantan ialah menutup semua premis perjudian, arak dan maksiat termasuk Sports Toto, kelab malam dan pusat hiburan karaoke. Kerajaan juga tidak membenarkan konsert dan pertunjukan kebudayaan seperti makyung, menora dan wayang kulit serta dikir barat yang bertentangan dengan syariat Islam. Antara lain, program sosial yang berteraskan Islam ialah memberi pinjaman perumahan dan kenderaan tanpa faedah, melaksanakan pajak gadai Islam (Ar-Rahn) dan

---

<sup>44</sup> Temubual dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat.

menguatkuasakan peraturan menutup aurat di kalangan pekerja wanita Islam.

Kerajaan negeri melaksanakannya mengikut bidang kuasa yang ada padanya menerusi pihak berkuasa tempatan. Sebagai contohnya, Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) sebagai pihak berkuasa tempatan melaksanakan beberapa dasar selaras dengan motto kerajaan negeri pimpinan PAS seperti "Membangun Bersama Islam" dan "Islam Sebagai Addin".

Antara dasar yang dilaksanakan ialah menyediakan kaunter berasingan di antara lelaki dan wanita ketika membeli belah, menutup pasar malam di sekitar bandar apabila menjelang waktu Maghrib dan menubuhkan Unit Pembangunan Islam (UPI) dalam MPKB bagi menjadi harakah untuk mendidik dan memberi ilmu kepada warga kota tentang aspek keagamaan.<sup>45</sup>

Malahan beberapa dasar itu sudah pun ditiru oleh negeri lain seperti memberi cuti dua hari dalam seminggu kepada kakitangan kerajaan negeri. Cuti berkenaan ialah pada hari Jumaat yang diisytiharkan sebagai hari ilmu bagi membolehkan kakitangannya menimba ilmu

---

<sup>45</sup> Temubual dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat.

dengan mendengar ceramah agama serta belajar membaca al-Quran, manakala hari Sabtu dijadikan hari keluarga bagi memberi peluang setiap ibu bapa membawa keluar anak dan isterinya bersiar-siar. Bagaimanapun, pada hari Khamis, mereka terpaksa bekerja sepenuh hari.

### **3.3.3 - UMNO Kelantan**

#### **3.3.1 - Sejarah Penubuhan**

Selepas Perang Dunia Kedua beberapa buah badan yang berbentuk politik ditubuhkan untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu di Kelantan. Antara badan politik itu ialah Persetiaan Melayu Kelantan (PMK) dan Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan (GPPMK), iaitu sebuah persekutuan yang mencantumkan Suara Muda, Persekutuan Pemuda Melayu, Pertubuhan Rumaja Pemimpin (PERUPA) dan Pemuda Asuhan Bekerjasama.

Penulis politik, Alias Mohamed menyebut bahawa Persekutuan Pemuda Melayu diasaskan oleh pemuda lulusan Ismail English School. PERUPA pula diasaskan oleh pemuda Sekolah Melayu Majlis dan Pemuda Asuhan Bekerjasama diasaskan oleh pemuda lepasan Sekolah Arab Majlis. Antara mereka ialah Ustaz Yusuf Zaki Yaakub dan Abu Bakar

Al Ahmadi. Semua pertubuhan itu berbentuk politik dan memperjuangkan cita-cita orang Melayu di samping memperjuangkan keteguhan budaya dan kesukanan.<sup>46</sup> Sehubungan itu, UMNO dan PAS dikatakan bertapak di Kelantan pada tahun 1950-an. Kedua-dua pemimpin parti itu dikatakan orang yang sama berjuang dalam GPPMK dan Persetiaan Melayu (PM) yang ditubuhkan dalam tahun 1930-an. Datuk Mohd Asri Haji Che Muda dan Ishak Lotfi Omar yang bergiat cergas dalam Persetiaan Melayu memimpin PAS. Nama-nama seperti Nik Mat Datuk Amal, Nik Hassan Yahya, Abu Bakar Al-Ahmadi dan beberapa tokoh lain pula yang bertanggungjawab menubuhkan UMNO Kelantan. Penubuhan UMNO dilakukan apabila tokoh perjuang ketika itu, Sardon Jubir dan Syed Jaafar Albar telah datang ke Kota Bharu menemui pemimpin GPPMK meminta supaya pertubuhan itu dibubarkan dan menubuhkan UMNO. Permintaan mereka dipersetujui dan UMNO Kelantan ditubuhkan kira-kira dalam tahun 1953.

Abu Bakar Al-Ahmadi dipilih menjadi Ketua Penerangan UMNO Kelantan yang pertama. Tokoh lain ialah Majid Tahir yang menjadi setiausaha pertama, Abdul Rauf, Rahim Akib dan Datuk Bentara Kiri Ismail Mahmud yang menjadi Pengerusi. Mesyuarat UMNO yang pertama diadakan di Majlis Agama Islam Kelantan dan dipengerusikan oleh Abu

---

<sup>46</sup> Alias Mohamed, *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*, Kota Bharu, Kelantan, 1984, hlm, 80.

Bakar Al-Ahmadi. Kewujudan UMNO Kelantan dikatakan bersama dengan PAS, tetapi tidak bermakna PAS sebahagian daripada UMNO walaupun di peringkat permulaan PAS adalah sayap agama dalam UMNO.

Dalam tahun 1952, pilihan raya tempatan diadakan Kelantan dan Perikatan menang apabila GPPMK mengemukakan calonnya untuk bertanding sebelum dengan rasminya UMNO ditubuhkan. Bagaimanapun, pada pilihan raya 1959, PAS merampas kerusi dengan Perikatan hanya memperolehi dua kerusi sahaja. Menteri Besar Kelantan ialah Haji Ishak Lotfi Omar. Kemunculan dua parti utama itu disusuli pula dengan parti lain di Kelantan seperti Parti Negara, Parti Rakyat dan Parti Berjasa. Bagaimanapun, sambutan terhadap parti-parti tersebut tidaklah sebesar sambutan yang diberikan oleh rakyat Kelantan kepada UMNO dan PAS.

### **3.3.2 - UMNO Kelantan di bawah Pimpinan PAS**

UMNO Kelantan sebelum itu pada 1977-89, UMNO bentuk kerajaan di bawah pimpinan tokoh muda, Datuk Annuar Musa yang dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO dan jawatan pengerusi disandang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kepimpinan UMNO Kelantan diperkuatkan dengan kemunculan tokoh politik yang sederhana, bekas Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamad untuk seiring dengan Annuar bagi mencerahkan peluang UMNO untuk menawan kembali Kelantan daripada tangan PAS. Kepimpinan Annuar yang juga bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar diperkuatkan lagi dengan kemunculan beberapa tokoh bertaraf ulama seperti ADUN Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir walaupun kedua-dua pemimpin itu, iaitu Annuar dan Zainal tidak bersetuju dalam beberapa perkara termasuk berlakunya cabar-mencabar bagi merebut jawatan Ketua UMNO Bahagian Peringat. Bagaimanapun, masalah itu selesai apabila jawatan Ketua UMNO Bahagian di seluruh negeri tidak dibenarkan dipertandingkan di samping kompromi yang terhasil.

Antara tokoh UMNO lain di Kelantan yang menonjol ialah ADUN Kemahang, Adhan Kechik yang agak lancar dalam perbahasan di setiap Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan kerana ia mampu mencerminkan idea dan cadangan tertentu. Kelantangannya di dalam dewan menyebabkan watak ketua pembangkang, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir agak tenggelam sedikit.

Populariti Adhan ditokoh tambah dengan kemunculan bekas ADUN S46 yang menyertai BN seperti bekas Timbalan Menteri Besar

Kelantan II, Datuk Rozali Isohak dan tokoh baru, ADUN Salor, Datuk Ahmed Rusli Iberahim.

Kedua-dua ADUN agak berani mengemukakan hujah di dalam setiap perbahasan bagi memastikan persidangan dewan agak memberangsangkan. Kemasukan ADUN S46 ke dalam BN membolehkan persidangan dewan undangan negeri bertambah menarik serta mempunyai suara-suara tertentu untuk mencabar kepimpinan PAS di Kelantan. Beberapa isu menarik dikemukakan untuk dibahaskan dalam dewan sejak PAS memerintah pada 1990. Antara isu berkenaan ialah isu Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB), pelaksanaan Hukum Hudud, kewujudan kuasa eksekutif Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), bandar Kota Bharu yang kotor serta beberapa isu tempatan lain.

Bagaimanapun, UMNO Kelantan yang dibayangi oleh PAS gagal menjadi pembangkang yang baik di dalam dewan kerana kebanyakan ADUNnya gagal membuat penelitian dan penyemakan terhadap isu-isu yang dikemukakan untuk mendapat soalan mulut dan lisan. Selain itu, kelemahan juga wujud apabila ADUN berkenaan gagal bertindak agresif di dalam dewan apabila sesuatu isu yang sensitif dan memerlukan lebih penjelasan. Kegagalan mereka bertindak balas terhadap sesuatu isu menyebabkan PAS mendabik dada mengatakan wakil rakyat UMNO

sudah kehabisan modal di dalam dewan dan mendakwa apa yang dilakukan PAS sudah yang terbaik dan tidak boleh dinafikan lagi.

Fenomena itu menyebabkan wakil rakyat UMNO kurang menonjol di dalam dewan. Mereka hanya diberi peluang untuk bercakap melalui media elektronik dan media cetak yang sememangnya dipaksa memberi sokongan terhadap apa-apa yang diperkatakan oleh wakil rakyat UMNO, walaupun pada hakikatnya kurang memberangsangkan.

Kurangnya keyakinan ini serta sikap berpuak-puak mewujudkan dua kumpulan dalam UMNO, iaitu kumpulan veteran dan kumpulan muda. Hal ini menyebabkan UMNO Kelantan bertambah tenat sehingga wujud spekulasi bahawa Kelantan akan ditawan sepenuhnya oleh PAS dalam pilihan raya 1999. Malahan, jawatan dua menteri kabinet yang dipegang oleh ahli Parlimen di Kelantan akan hilang dalam pilihan raya 1999.

Ternyata jangkaan itu benar apabila dua menteri penuh iaitu Datuk Mustapa Mohamad selaku Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Pembangunan Usahawan gagal mempertahankan kerusi Parlimen Jeli dalam pilihan umum 1999. Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa turut mengalami nasib yang sama apabila mengalami kekalahan di Peringat tangan calon KEADILAN, Ustaz Mohamad Mustafa yang juga Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Kelantan.

Hanya satu kawasan daripada 18 kerusi Parlimen dan dua kawasan DUN daripada 42 kerusi yang dipertandingkan di Kelantan dimenangi oleh UMNO. Satu kerusi Parlimen dimenangi oleh Tengku Razaleigh Hamzah di Gua Musang. Tengku Razaleigh merupakan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Kelantan selepas Dr Mahathir menyerahkan jawatan itu kepadanya dalam usaha menawan hati rakyat Kelantan supaya kembali menyokong UMNO dan BN. Melainkan Tengku Razaleigh, tokoh-tokoh UMNO Kelantan yang lain termasuk Mustapa, Annuar dan Datuk Paduka Ibrahim Ali yang merupakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) gagal mendapat tempat di kalangan rakyat Kelantan. Ku Li beranggapan bahawa kekalahan teruk UMNO pada pilihan raya 1999 adalah disebabkan faktor luaran.

Beliau pernah menegaskan pengundi dari luar terutama, golongan yang dipengaruhi dengan anasir reformasi banyak membantu kemenangan pembangkang di Kelantan. Faktor itu dibantu dengan sikap pemimpin UMNO Kelantan yang masih mengamalkan budaya 'cas keting' (cuba menjatuhkan antara satu sama lain) yang terus-menerus menular dalam UMNO sehingga sukar dikawal oleh pucuk pimpinan.

Tengku Razaleigh dalam majlis tertutup dengan pengamal media massa daripada media cetak dan media elektronik di Bangunan MARA, Jalan Dato Pati, Kota Bharu sebelum pilihan raya, membuat pengakuan terbuka bahawa beliau sendiri tidak mempercayai pemimpin UMNO kerana mereka masih belum mengubah minda untuk membangunkan bangsa, agama dan negara sebaliknya lebih tertumpu kepada kepentingan sendiri. Beliau juga mengatakan bahawa pemimpin UMNO Kelantan tidak mempunyai bakat kepimpinan, sebaliknya hanya bernasib baik diberi jawatan tertentu kerana Kelantan ketandusan pemimpin politik berwibawa yang menjadi perjuangan parti sebagai teras.

Disebabkan arus perubahan begitu ketara serta keberkesanan memainkan isu kekejaman pemimpin kerajaan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, UMNO Kelantan terus kecundang serta terpaksa melupakan hasrat untuk memegang kembali tumpuk pemerintahan negeri itu selepas 10 tahun diperintah oleh PAS.

### **3.3.3 - UMNO di bawah Datuk Annuar Musa**

Umum mengetahui bahawa Datuk Annuar Musa adalah anak didik Tengku Razaleigh Hamzah. Bagaimanapun akibat berlakunya krisis antara Tengku Razaleigh dengan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1987, Annuar mengubah pendirian dengan menyebelahi Dr. Mahathir. Sokongan Annuar kepada Dr Mahathir bukan secara berselindung malah secara terang-terangan melalui ceramah politik dan sebagainya.

Pendirianya mudah kerana melihat dalam krisis dua pemimpin itu kebenaran menyebelahi Dr. Mahathir dan melihat Tengku Razaleigh sudah menyimpang daripada perjuangan UMNO, malahan kepada pengharaman parti itu.

Pendirian beliau adalah tegas sehingga terpaksa menghadapi kemurkaan daripada pihak istana yang menyebelahi Tengku Razaleigh dalam krisis tersebut. Hal ini membuatkan beliau berada dalam "bara api". Bertitik tolak daripada itulah, beliau mendapat kepercayaan Dr. Mahathir, lalu dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang dipimpin oleh Dr Mahathir sendiri dan dilantik sebagai menteri penuh, Menteri Belia dan Sukan sebelum kemudiannya Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Bagaimanapun, pelantikan beliau tidak disenangi oleh sesetengah golongan veteran UMNO dan golongan muda yang seangkatan dengan beliau. Ekoran itu Annuar terpaksa menghadapi banyak cabaran besar, iaitu terpaksa berdepan dengan pengaruh Tengku Razaleigh, pengaruh golongan veteran dan pengaruh golongan dengannya. Berkat ketabahan dan sokongan kuat daripada Dr Mahathir, Annuar dapat mengharungi cabaran itu semua.

Annuar juga turut menyusun strategi gerak kerjanya dibahagi kepada beberapa peringkat iaitu pertama memulihkan keyakinan ahli UMNO kepada parti sendiri ekoran perpecahan, memperkemaskan jentera parti, menyakinkan rakyat kepada perjuangan UMNO dan kerajaan, menyusun gerakan menyerang parti lawan dan seterusnya strategi-strategi lain. Hasil kegigihan beliau beberapa orang rakannya dalam UMNO dapat memenangi pilihan raya tahun 1995 walaupun pada pilihan raya 1990, UMNO menerima kekalahan teruk di tangan PAS yang bergabung dengan S46.

Disebabkan kecemerlangannya, beliau sehingga kini masih diberikan kepercayaan menjadi orang nombor dua dalam UMNO di Kelantan oleh pucuk pimpinan parti. Pembubaran Parti S46 telah meletakkan UMNO di Kelantan semakin hari semakin pulih. Bagi Annuar terdapat tiga prinsip utama untuk menawan Kelantan semula. Antaranya,

pemimpin di peringkat cawangan, bahagian dan negeri tidak merebut jawatan; pemimpin memberi perhatian untuk berkhidmat dengan ikhlas, dan penyokong pula menolak amalan menghasut.<sup>47</sup>

---

<sup>47</sup> *Utusan Malaysia*, 23 Mei 1995, hlm 13.